

13 SEP 1998

MALAYSIA-TUKARAN MATAWANG ASING

KAWALAN TUKARAN MATAWANG ASING BUKAN LANGKAH KE BELAKANG

Oleh: S.Durga Varma

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Ramai pelabur dan penganalisis asing melahirkan rasa terkejut terhadap kawalan tukaran matawang asing yang diumumkan oleh Malaysia pada 2 Sept, 1998 dan menyifatkannya sebagai satu langkah yang mengundur ke belakang bagi negara ini.

Mereka tidak seharusnya merasa terkejut, kerana salah satu matlamat utama Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang diumumkan pada 32 Julai, 1998 ialah untuk menstabilkan ringgit.

Dan memandangkan serangan spekulatif terhadap matawang Malaysia dan suasana tidak menentu pasaran kewangan dunia, seharusnya sudah jelas bahawa Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan.

Tentang hakikat bahawa pengumuman itu dibuat secara tiba-tiba, kawalan tukaran matawang bukanlah satu perkara yang boleh dibayang-bayangkan oleh pihak berkuasa. Ia perlu muncul mendadak agar dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Menetapkan pilihan yang tepat bagi regim kadar pertukaran adalah antara cadangan-cadangan yang dibuat oleh PPEN," kata seorang ahli ekonomi, tetapi beliau segera pula menegaskan bahawa memandangkan suasana luaran, tidak ada cara lain untuk menstabilkan ringgit kecuali mendirikan tembok halangan daripada campurtangan asing.

"Ketika kita sedang hendak mencapai kemajuan dengan langkah-langkah dan reformasi yang dirangka terdahulu, ringgit terus terdedah kepada gelagat spekulator matawang dan ini membuatkan usaha negara menemui jalan buntu," katanya.

Beliau menambah kata bahawa kerajaan telah mempertimbangkan cadangan ini selama enam bulan, hampir sama dengan usia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Tetapi tanggapan yang dibuat solah-olah keputusan -- melaksanakan kawalan tukaran matawang dan memecat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar -- dibuat secara mengejut," kata beliau.

"Langkah melaksanakannya (kawalan tukaran matawang) adalah sesuatu yang telah difikirkan semasak-masaknya dan diperbahaskan bagi tempoh yang panjang dengan input daripada pelbagai pihak sebelum kawalan matawang yang dianggap sebagai langkah tidak orthodox oleh ramai orang, dilaksanakan sebagai ikhtiar terakhir bagi Malaysia.

Sementara itu, seorang penganalisis dari sebuah pusat penyelidikan berpangkalan di luar negara berkata kerajaan-kerajaan di seluruh dunia kini memikirkan untuk mengatur rancangan bagi membanteras spekulasi matawang antarabangsa.

Cadangan mereka ini mencerminkan langkah yang sama seperti seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Persidangan Bank Dunia/Dana Kewangan Antarabangsa di Hong Kong -- yang menerima cemuhan meluas pada ketika itu.

"Kami yakin tentu ada disiplin yang dipersetujui di peringkat antarabangsa dalam mengawal selia aliran dana yang digunakan bagi tujuan spekulasi seperti ini," tambahnya.

Penganalisis itu juga menyatakan Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan lagi dalam mencari jalan untuk melindungi ekonominya.

"Apa yang telah dilaksanakan oleh Malaysia sebenarnya merupakan mekanisme kawalan tukaran matawang yang kurang rumit dan tidak akan membawa kesan negatif kepada pelaburan langsung.

"Ia diwujudkan bagi mengatasi ketidakstabilan dalam jangka pendek dan apabila ringgit stabil, kita boleh meramalkan bahawa ada kemungkinan kawalan tukaran matawang ini dihapuskan," kata beliau.

Menjelaskan selanjutnya, beliau berkata: "Malaysia tidak mahu ringgit dipengaruhi oleh kegawatan dan kemudahruapan selanjutnya matawang-matawang utama di dunia.

"Kerana menjangkakan kemungkinan berlaku kemudahruapan selanjutnya di masa akan datang, walaupun terdapat langkah-langkah dan reformasi yang telah diambil, kerajaan mengambil keputusan untuk melindungi ekonomi tempatan daripada perkembangan buruk di luar negara bagi mewujudkan regim kadar pertukaran yang stabil.

"Langkah-langkah ini merupakan satu cara bagi mencapai tujuan dan adalah penting bagi rakyat Malaysia umumnya dan sektor kewangan khususnya, memahami dan menyokong sepenuhnya usaha-usaha ini, yang bertujuan untuk melindungi dan memulihkan ekonomi negara.

Pengarah Bahagian Penggalakan Pelaburan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), R. Karunakaran, berkata pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sokongan berkaitan secara tradisinya adalah pelaburan jangka panjang dan amat berbeza daripada pelaburan-pelaburan portfolio kewangan.

Daripada segi pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan, langkah-langkah kawalan tukaran matawang terbaru ini tidak akan menjejaskan hak-hak pelaburan yang diberikan kepada pelabur-pelabur di masa lalu.

"Perubahan kepada kawalan tukaran matawang ini tidak akan menjejaskan operasi perniagaan para peniaga ataupun gelagat biasa kegiatan ekonomi.

"Ini adalah kerana terdapat jaminan pengaliran bebas pelaburan langsung asing matawang masuk ke Malaysia dan yang paling penting ialah hakikat bahawa penghantaran pulang keuntungan, modal, dividen, faedah dan komisen akan tetap tidak berubah," kata Karunakaran.

Kesan kawalan tukaran matawang ke atas pelaburan langsung asing ke negara ini kononnya telah mencetuskan kebimbangan di kalangan bakal pelabur dan peabur-pelabur yang sedia ada di rantau ini tidak lama selepas pengumuman itu dibuat.

Dalam enam bulan pertama tahun ini, pelaburan daripada pelabur-pelabur baru dan yang sedia ada terus mengalir masuk dari dalam dan luar negara.

"Minat dan arah aliran pelaburan tidak terjejas, walaupun kita tidak boleh membandingkannya dengan rekod pelaburan dalam beberapa tahun yang lalu.

Dari Januari hingga Julai, 1998, sejumlah 471 projek telah diluluskan dengan kepentingan ekuiti berjumlah RM15.15 bilion.

Taiwan, China dan Korea Selatan juga mengenakan kawalan tukaran matawang tetapi negara-negara ini tidak pernah gagal menarik pelaburan asing, malah berupaya menarik pelaburan-pelaburan yang besar dari Amerika Syarikat.

Sementara itu, ahli ekonomi seperti Paul Krugman tentu gembira kerana Malaysia berbuat seperti apa yang disarankannya.

Beliau berpendapat rumusan IMF supaya mengurangkan perbelanjaan, mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang ketat serta melaksanakan langkah-langkah jimat cermat tidak berjaya dan tidak boleh berjaya.

Krugman dan pakar-pakar ekonomi yang semakin bertambah bilangannya, yakin inilah masanya untuk melaksanakan langkah drastik yang memeritkan seperti kawalan tukaran matawang.

Tan Sri Dr Noordin Sopiee, pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia baru-baru ini berkata langkah radikal Malaysia akan melindungi negara ini dalam kegawatan sedunia.

"Rakyat biasa dan kalangan perniagaan boleh meneruskan kehidupan mereka tanpa mengalami bencana taufan matawang.

"Semua langkah yang diperlukan bagi mengelakkan ekonomi daripada meleset selanjutnya boleh dilaksanakan sekarang," kata beliau baru-baru ini.

Beliau juga menambah kata apa yang sedang dilakukan oleh Malaysia jelas merupakan tindakan melindungi diri bukan memencilkan diri. "Jangan ada yang keliru tentang kedua-dua perkara ini," katanya.

"Kita mahu perlindungan bukan pemencilan," tegas Nordin Sopiiee sambil menambah kata bahawa langkah Malaysia ini bukanlah satu pernyataan ideologi dan tidak harus dianggap sebagai anti-Barat.

"Ia hanyalah tindakan pro-pertumbuhan dan setelah mengambil keputusan yang paling keras ini, ternyata Malaysia mestilah meneruskan usaha kerasnya sekarang untuk mengubah arah ekonominya dan tugas yang amat rumit untuk membawa negara ini ke landasan yang sihat ke arah pemulihan dan pertumbuhan mapan.

"Kita kini mempunyai ruang untuk bernafas, peluang untuk berbuat sesuatu yang perlu dibuat bagi menghentikan kemerosotan ekonomi Malaysia, untuk menjanakan semula proses pertumbuhan dan merentasi jalan ke arah pemulihan," katanya.

-- BERNAMA

DVS KY MA